

# **LUMPUNG BERCHAM**

**EARTHENWARE TEMPATAN**

"LUMPUNG BERCHAM"

(Earthenware Tempatan)

NAMA : SYED MOHD B. SYED SHAHIDIN

NO KAD PELAJAR :

Tesis ini dikemukakan kepada Kajian Senilukis dan Senireka Institut Teknologi Mara sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan Diploma Senilukis dan Senireka.

Dekan ,  
Kajian Senilukis dan Senireka,  
Institut Teknologi Mara,  
40450 Shah Alam,  
Selangor Darul Ehsan.

Penghargaan

- En. Muhamad Rusli b. Abdullah  
Ketua Unit Kajian  
Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia  
(Cawangan Perak Darul Redzuan)
  
- En. Azhar b. Mohd Salleh dan  
Pn. Fatimah Yaakob  
Makmal Unit kajian  
PKKM (Cawangan Perak)
  
- Pn. Siti Zaleha Saad  
Pensyarah jabatan seramik  
Kajian Seni Lukis & Seni Reka  
Institut Teknologi Mara
  
- En. Kamaruzaman b. Shahruddin  
Makmal Penyiasatan Kajibumi  
Jalan Sultan Azlan Shah, Ipoh.

## Isi Kandungan

## Halaman

1. Sinopsis	1
2. Kaedah 1	3
i. Ujian Fizikal/ Makmal	3
ii. Pengiraan	4
iii. Ujian Lemparan Alin	5
iv. Ujian Perbandingan	5
v. Keputusan Ujian Keplastikan	6
vi. Keputusan Ujian Lemparan Alin	7
vii. Analisa Kimia dan Ph	8
viii. Ujian Pembakaran Lumpung Bercham 2	9
ix. Kesimpulan	10
3. Kaedah II	12
i. Lumpung Bercham Satu	12
ii. Keputusan Ujian Keplastikan	16
iii. Keputusan Ujian Lemparan Alin	17
iv. Kesimpulan	18
4. Kaedah III	20
i. Lumpung Bercham Adunan Dua	20
ii. Keputusan Ujian Lumpung Bercaham Dua	22
iii. Keputusan Ujian Lemparan Alin	23
iv. Kesimpulan	24
5. Kaedah IV	25
i. Lumpung Bercham Adunan III	25
ii. Keputusan Ujian Lumpung Bercham III	28
iii. Keputusan Ujian Lemparan Alin	29

### Sinopsis

"Lumpung" adalah bahan yang terpenting dalam penghasilan barang Seramik. Sifat atau kehandalannya adalah penentu kepada mutu atau kualiti barang yang akan dihasilkan. Masalah lumpung adalah masalah utama yang dihadapi oleh bakal pengusaha,- pengusaha dan bekas pengusaha tembikar kecil-kecilan di negara ini, di samping masalah-masalah lain. Masalah yang dimaksudkan ialah masalah-masalah :

1. Sukar mendapatkan bahan kerana kurang penjual yang menjual bahan ini.
2. Harga lumpung yang mahal. Penjual biasanya menjual bahan ini dalam bentuk basah (berat). Pembeli akan membayar harga air yang terkandung di dalamnya. Satu perkara yang amat tidak wajar.
3. Kekurangan pengetahuan yang mendalam bagaimana memprosesnya sendiri.
4. Anggapan bahawa modal, masa dan tenaga yang banyak diperlukan untuk memproses lumpung ini.

Daripada permasalahan di atas saya beranggapan bahawa masalah lumpung adalah masalah yang serius yang harus di atasi kerana bahan ini adalah yang paling utama dan yang terpenting. Seperti yang kita sama-sama sedia maklumi bahawa bahan mentah jasad lumpung ini seringkali kita temui di mana-mana. Di mana sahaja ada projek mengorek tanah, di situ kita akan temui longgokan atau timbunan lumpung yang sangat penting